



UMP dan Politeknik LP3I Indonesia jalin kerjasama strategik

Dalam usaha menambah nilai hubungan strategik, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan tiga Politeknik LP3I dan sebuah sekolah tinggi melalui ICT Business Centre bagi memaknakan lagi keakraban hubungan Malaysia dan Indonesia sebagai negara tetangga.

Perjanjian membabitkan Politeknik LP3I Jakarta, Politeknik LP3I Bandung, Politeknik LP3I Medan dan STMIK Bina Sarana Global dalam memperlihatkan perkongsian kepakaran dalam pembangunan teknologi maklumat di peringkat antarabangsa itu dilaksanakan pada 18 Jun 2012 yang lalu di Dewan Bankuet, Canseleri.

Kerjasama ini dijangka akan dapat melebarkan jaringan kerjasama melibatkan rangkaian Politeknik LP3I dari seluruh Indonesia.

UMP diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim manakala Politeknik LP3I Jakarta diwakili Direktornya, Drs. Jaenuddin Achmad, Politeknik LP3I Bandung Direktor, Ir. Adriza, Direktor Politeknik LP3I Medan, Akhwanul Akhmad dan STMIK Bina Sarana Global diwakili Ketua Dedi Royadi.

Hadir sama Pengarah ICT Business Centre UMP, Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd dan Direktor Program LP3I Group, Rony Setiawan dan pegawai Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat UMP (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob.

Menurut Dr. Daing, kerjasama intra-universiti ini penting dalam konteks penajaran UMP di arena serantau dan antarabangsa.

"Dalam konteks pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015, kerjasama antarabangsa seumpama ini membolehkan UMP meneroka peluang baharu dalam

pelbagai bidang dengan mendekati rakan-rakan kongsi yang berpotensi."

"Dalam hubungan tersebut, maka UMP amatlah berbesar hati dan berbangga kerana dapat memperkukuh jaringan antarabangsanya dengan menerima gabungan Politeknik LP3I Jakarta sebagai rakan kongsi kami yang baharu," katanya semasa menyampaikan ucapan aluan.

Beliau berharap agar MoU ini membuka laluan kerjasama yang lebih luas untuk diterokai bersama pada masa hadapan bagi manfaat kedua-dua belah pihak.

Selain itu, dengan termeterainya persefahaman ini, UMP dan gabungan Politeknik LP3I Jakarta ini akan dapat memperoleh manfaat melalui penyelidikan, latihan staf serta pertukaran pensyarah, mahasiswa dan bahan ilmiah.

Malah, perkongsian pintar ini dapat diperluaskan lagi sekiranya lebih ramai staf akademik dan juga mahasiswa dapat dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti kerjasama yang dirancang nanti.

Katanya, kerjasama ini nanti juga bakal membuka ruang yang lebih lebar bagi mengakomodasi pemahaman dan potensi yang boleh dibangunkan secara bersama secara komplementari.

Sementara itu, Drs. Jaenuddin berkata, program ini melibatkan pertukaran penempatan pelajar yang akan menjalani latihan di UMP, pertukaran staf dan penyelidikan.

Beliau turut berbangga dengan kemudahan prasarana di UMP yang dilengkapi dengan teknologi canggih dan pembangunan produk ICT yang meluas.

Hubungan ini dijangka akan dapat merealisasikan hasrat Politeknik Indonesia dalam menghasilkan tenaga kerja yang profesional dan mahasiswa yang di terima di pasaran kerja.

